

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED
FADZIL [LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apa yang sebenarnya berlaku dalam kes-kes suntikan vaksin kosong yang tular dan jumlah rakyat Malaysia yang terkesan akibat vaksin kosong ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) telah mengeluarkan suatu garis panduan iaitu Garis Panduan Pemantauan Vaksin dan Penyediaan 'Standby List' di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bagi memastikan pelaksanaan vaksinasi COVID-19 kepada penduduk Malaysia dibuat mengikut tatacara keselamatan dan kualiti yang ditetapkan.

2. Kementerian Kesihatan telah menerima 3 aduan yang melibatkan kakitangan barisan hadapan Kementerian Kesihatan yang bertugas di negeri Kedah, Perak dan Kuala Lumpur. Ketiga-tiga insiden ini membabitkan jururawat yang tidak mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) pemberian suntikan yang telah ditetapkan.

3. Setelah siasatan dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), didapati bahawa:

- (i) bagi insiden di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, jururawat yang bertugas gagal memberi suntikan penuh kerana semasa suntikan dilakukan, klien tiba-tiba mengeraskan otot deltoid yang menyebabkan jarum tertanggal dari picagari. Oleh itu, vaksin yang diberikan tidak mencukupi.
- (ii) bagi insiden di JKN Perak, jururawat yang bertugas di PPV pandu lalu tidak memeriksa picagari sebelum pemberian suntikan. Beliau telah menyedari kesilapan semasa pemberian suntikan dan menyuntik semula vaksinasi kepada klien serta memohon maaf; dan
- (iii) bagi insiden di JKN Kedah, jururawat telah silap memberikan vaksin Sinovac kepada penerima dos kedua Pfizer kerana tidak melakukan verifikasi sebelum pemberian suntikan.

SOALAN NO : 28

4. Tindakan yang diambil oleh Jabatan Kesihatan Negeri terhadap jururawat yang terlibat ialah:

- (i) jururawat direhatkan daripada menjadi vaksinator selepas insiden berlaku;
- (ii) diberikan surat amaran secara pentadbiran; dan
- (iii) diletakkan di bawah pemantauan oleh Penyelia Jururawat bagi tempoh minima tiga bulan untuk memastikan jururawat mematuhi SOP yang ditetapkan.

5. Selain itu, tindakan yang diambil oleh JKN kepada klien adalah:

- (i) bagi kes JKN Perak, Pegawai Perubatan PKD Hilir Perak telah menghubungi klien dan memberi penjelasan berkaitan pemberian dua kali suntikan;
- (ii) bagi kes JKN WP Kuala Lumpur, klien telah dihubungi pada hari yang sama dan diberikan suntikan semula; dan
- (iii) bagi kes JKN Kedah, klien telah dipanggil dan diberikan penjelasan tentang kejadian yang berlaku oleh Pegawai Perubatan dan dinasihatkan agar ke Klinik Kesihatan berdekatan sekiranya terdapat komplikasi.

6. Berdasarkan kepada tindakan yang telah diambil, tiada tindakan tatatertib diambil ke atas jururawat yang terlibat setakat ini.

Sekian, terima kasih.